



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)
W.P. KUALA LUMPUR, 2025**

**Ekonomi W.P. Kuala Lumpur berkembang 5.2 peratus pada 2025,
mencecah RM265.1 bilion**

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) W.P. KUALA LUMPUR, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, "W.P. Kuala Lumpur merupakan penyumbang kedua terbesar ekonomi negara selepas Selangor. KDNK W.P. Kuala Lumpur berkembang 5.2 peratus pada tahun 2025 bernilai RM265.1 bilion."

Dari aspek komposisi ekonomi, sektor Perkhidmatan mendominasi ekonomi wilayah ini dengan menyumbang sebanyak 91.7 peratus diikuti oleh sektor Pembinaan yang menyumbang 5.1 peratus. Sementara itu, sektor Pembuatan dan Perlombongan & pengkuarian masing-masing menyumbang sebanyak 2.6 peratus dan 0.1 peratus.

Sektor Perkhidmatan bertumbuh 5.2 peratus, didorong oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan yang berkembang 5.0 peratus. Ini diikuti oleh subsektor Kewangan dan insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan sebanyak 5.3 peratus didorong oleh prestasi yang menggalakkan dalam aktiviti hartanah dan perkhidmatan perniagaan.

Sektor Pembinaan di W.P. Kuala Lumpur mencatatkan peningkatan 6.0 peratus pada tahun 2025 berbanding 21.1 peratus pada tahun sebelum. Ini disokong oleh peningkatan dalam Aktiviti pembinaan pertukangan khas dan Pembinaan bangunan yang masing-masing mencatatkan pertumbuhan 11.5 peratus dan 5.9 peratus.

Pada masa sama, sektor Pembuatan bertumbuh 3.0 peratus dengan nilai ditambah RM6.9 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan yang terus berkembang pada 11.4 peratus (2024: 10.5%). Ini diikuti oleh Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam yang direka yang bertumbuh 11.4 peratus.

Secara keseluruhan, W.P. Kuala Lumpur merekodkan KDNK per kapita tertinggi sebanyak RM144,898, mengatasi paras nasional sebanyak RM59,167. Nilai tersebut meningkat sebanyak RM7,509 berbanding RM137,389 pada tahun 2024.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

W.P. Kuala Lumpur

Carta 1: KDNK Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

W.P. KUALA LUMPUR GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

W.P. Kuala Lumpur's economy expanded by 5.2 per cent in 2025, reaching RM265.1 billion

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – Today, the Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **W.P. KUALA LUMPUR GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr Mohd Uzir Mahidin, "W.P. Kuala Lumpur is the second largest contributor to national economy, following Selangor. GDP of W.P. Kuala Lumpur expanded 5.2 per cent in 2025 with a value amounted to RM265.1 billion."

In terms of its economic composition, Services sector dominated the economy, which contributed 91.7 per cent followed by Construction sector of 5.1 per cent. Meanwhile, Manufacturing and Mining & quarrying sector contributed 2.6 per cent and 0.1 per cent respectively.

The Services sector grew 5.2 per cent, driven by the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsector which expanded to 5.0 per cent. This was followed by Finance and insurance, real estate and business services subsector of 5.3 per cent, driven by encouraging performance in real estate and business services activities.

The Construction sector in W.P. Kuala Lumpur expanded by 6.0 per cent in 2025, compared to a growth of 21.1 per cent in the previous year. This growth was driven by an increase in Specialised construction activities and Building construction, which recorded growth of 11.5 percent and 5.9 percent, respectively.

At the same time, the Manufacturing sector recorded a growth of 3.0 per cent with a value added of RM6.9 billion. The growth was driven by Wood products, furniture, paper products and printing which further expanded to 11.4 per cent (2024: 10.5%). This was followed by Non-metallic mineral products, basic metal and fabricated metal products which grew 11.4 per cent.

Overall, W.P. Kuala Lumpur ranked first with a GDP per capita of RM144,898, surpassing the national level of RM59,167. This represented an increase of RM7,509 from RM137,389 in 2024.


The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

W.P. Kuala Lumpur

Chart 1: Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**